



Membaca

NAMA: _____

Buku Teks Halaman 111 – Persembahan Muzik yang Istimewa

SK : 2.4	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberikan respons dengan betul.
SP : 2.4.3	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat untuk membuat keputusan dengan memberikan alasan.

Baca petikan dengan sebutan dan intonasi yang betul dan lengkapkan dialog berdasarkan petikan.

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang akan menganjurkan pertandingan muzik tradisional di sekolah. Atoi dan rakan-rakannya mahu menyertai pertandingan tersebut. Mereka bercadang untuk mengadakan persembahan muzik yang istimewa. Persembahan tersebut mestilah menghiburkan dan tidak sukar untuk dilakukan. Sebelum membuat keputusan untuk memilih jenis persembahan, mereka mencari maklumat daripada pelbagai sumber.



Seruling Hidung

Alat muzik ini dimainkan oleh masyarakat Orang Asli di negara kita. Alunan bunyi yang dihasilkan unik sekali. Pemain seruling perlu menyumbatkan sebelah hidungnya dengan daun atau secebis kain, manakala sebelah lagi digunakan untuk meniup seruling.



Serunai Batang Padi

Alat muzik ini lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak yang tinggal di kawasan penanaman padi. Bunyinya nyaring. Alat muzik ini diperbuat daripada seruas batang padi. Sehelai daun rumbia atau daun ibus muda dililitkan pada bahagian hujung batang padi itu untuk membentuk serombong. Pemain perlu meniup serunai ini secara menegak pada bahagian hujungnya yang lebih kecil.



Serunai Daun Kelapa

Alat muzik ini sering dimainkan oleh kanak-kanak di kampung. Bunyinya agak unik. Alat muzik ini diperbuat daripada daun kelapa muda. Biasanya, alat muzik ini dibentuk seperti tanduk, iaitu mirip tanduk kerbau.

Jawab soalan-soalan pemahaman berikut berdasarkan petikan di atas.

1. Seruling hidung dimainkan oleh masyarakat

(1 markah)

2. Seruling batang padi sering dimainkan oleh _____

(1 markah)

3. Seruling batang padi diperbuat daripada apa dan bagaimana bunyinya apabila ditiup ?

(2 markah)

4. Serunai daun kelapa diperbuat daripada apa dan berbentuk seperti apa ?

(2 markah)

Seruling batang padi diperbuat daripada seruas batang padi dan bunyinya sangat nyaring apabila ditiup.

masyarakat orang asli di Malaysia.

kanak-kanak yang tinggal di kawasan penanaman padi.

Serunai daun kelapa diperbuat daripada daun kelapa muda dan ia berbentuk seperti tanduk, iaitu mirip tanduk kerbau.

A Isi tempat kosong dengan kata ganda berentak yang betul.

bersopan santun	Perlahan-lahan	gerak-geri	Tingkah cara
mengenang budi	Tingkah laku	panas baran	lemah lembut

Cara menghormati ibu bapa ialah bercakap dengan_____ dan tidak meninggikan suara. Sebagai anak, kita mestilah _____ apabila bercakap dengan mereka. Setiap _____ dan tingkah laku hendaklah sentiasa dikawal untuk menjaga hati dan perasaan mereka. _____ yang baik boleh menggembirakan hati ibu bapa. Kita perlulah menghargai pengorbanan mereka dengan sentiasa menghormatinya.

Isi tempat kosong dengan kata kerja yang betul.

menetak	menjinjing	kehilangan	kepuasan
dicantas	mengandar	ditetak	menakik

- a) Mak Limah _____ dua baldi air di kiri dan kanan tangannya.
- b) Ranting-ranting pokok yang menghalang laluan itu telah _____ oleh abang.
- c) Bagi memudahkan memanjat pokok kelapa itu, Pak Leman _____ batangnya dengan parang.
- d) “Aktiviti memburu binatang yang dilindungi perlu dibendung untuk mengelakkan berlakunya _____,” kata pegawai Perhilitan itu